

**Penguasaan ilmu titik perkasakan semula Melayu – Mahathir
Utusan Online
04 September, 2012**

SOLO (Jawa Tengah) 3 Sept. - Pemerksaan semula tamadun bangsa Melayu hanya boleh dilaksanakan sekiranya penerokaan dan penguasaan ilmu dijadikan titik tumpu oleh bangsa Melayu sendiri.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Melayu sebagai bangsa yang pernah teguh di persada dunia suatu ketika dulu juga perlu mengejar ilmu yang diterokai bangsa-bangsa lain bagi meningkatkan tamadun dan kuasa.

Usaha berkenaan jelas beliau, seiring dengan apa yang pernah dilakukan bangsa Eropah iaitu mempelajari ilmu yang pernah dikuasai orang Islam.

"Seperti bangsa Eropah yang menyerap ilmu yang diterokai orang Islam, kali ini etnik Melayu pula perlu mengejar ilmu yang dikumpul dan diterokai bangsa Eropah dan bangsa-bangsa lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah umum bertajuk 'Memperkasa Bangsa Melayu' pada majlis penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Sosial Budaya dalam bidang Kepimpinan dan Pemberdayaan Bangsa Melayu oleh Universiti Sebelas Maret, Indonesia (UNS-Solo) kepada beliau, di sini hari ini.

Anugerah itu disampaikan Rektor universiti tersebut, Prof. Dr. Ravik Karsidi kepada Dr. Mahathir dalam Sidang Senat Terbuka di kampus induk UNS-Solo di sini.

Hadir sama, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Anugerah berkenaan diberikan kepada Dr. Mahathir sebagai mengiktiraf jasa dan sumbangan besar Perdana Menteri keempat itu dalam meningkatkan martabat bangsa Melayu di peringkat dunia.

Menurut Dr. Mahathir, etnik Melayu perlu bermula dengan menguasai bahasa asing yang menjadi teras ilmu semasa seperti kesanggupan bangsa Eropah mempelajari bahasa Arab demi menguasai ilmu yang terhimpun di perpustakaan Khurtubah Al-Andalus enam abad lalu.

Kata beliau, penguasaan itu juga harus didorong sifat ingin tahu, ingin memperkaya dan ingin menokok ilmu yang diperoleh untuk memperbaiki kehidupan, meningkatkan tamadun sekali gus kuasa bangsa Melayu.

Seiring usaha membudayakan sains dan teknologi di kalangan masyarakat Melayu itu juga, Dr. Mahathir menarik perhatian pemerintah supaya lebih cekap dalam aspek pentadbiran dan pembangunan.

Pada masa sama, tokoh Melayu terbilang itu menambah, bangsa Melayu juga perlu menggalas risiko pelaburan yang besar khususnya dalam usaha kaji selidik makmal dalam menyamai dan mengatasi tamadun seantero dunia.

"Untuk semua ini, selain institusi pengajian tinggi seperti universiti, makmal-makmal kaji selidik dan penerokaan ilmu dan teknologi yang baru dan lebih canggih juga perlu dibuka.

Hari ini katanya, makmal yang utama ialah dalam bidang elektronik terutama reka bentuk mikrocip yang semakin lama semakin tinggi kuasanya. - Utusan

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120904/dn_14/Penguasaan-ilmu-titik-perkasakan-semula-Melayu---Mahathir